

77

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10388**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan terperinci jumlah kemasukan warga asing ke negeri ini seperti daripada India, Indonesia, Bangladesh dan lain-lain sejak tahun 2010 sehingga sekarang. Berapa banyak di antara warga asing ini yang telah memohon serta mendapat kad pengenalan sementara daripada Jabatan Pendaftaran Negara

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan seramai 181,145,923 orang warganegara asing telah masuk dan berada di Malaysia dari tahun 2010 hingga 30 September 2017 merangkumi 5,216,817 orang warga India, 19,283,208 orang warga Indonesia, 1,014,421 orang warga Bangladesh dan 155,631,477 orang warganegara lain.

Manakala berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2007 hingga 30 September 2017, seramai 108 orang individu bukan warganegara telah dikeluarkan Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.